



FENOMENA PENYELIAAN AKTIVITI AKADEMIK UTAMA SEKOLAH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JITRA, KEDAH

Hjh. Zailani binti Mamat

SMK. Jitra, Jitra, Kedah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mewujudkan satu mekanisme atau kaedah penyeliaan dan pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran serta lain-lain aspek yang berhubung kait dengan aktiviti utama akademik sekolah yang praktikal dalam kalangan pentadbir untuk meningkatkan keberkesanan sekolah. Pemboleh ubah bersandar ialah Penyeliaan Pemantauan Kurikulum Berkualiti (PKBQ) dan pemboleh ubah tak bersandar ialah Buku Laporan PKBQ dan Jadual Pemantauan PKBQ. Responden kajian melibatkan Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Kokurikulum, Penyelia Petang, dan 4 orang Guru Kanan Bidang. Analisis data dilakukan secara pemerhatian, temu bual dan rekod pemantauan pentadbir ini yang dicatat dalam Buku PKBQ setelah dibuat perubahan jadual pelaksanaan dan tindakan. Hasil tindakan yang dibuat didapati bahawa penyediaan buku laporan PKBQ kepada semua pentadbir ini membantu memudahkan proses penyeliaan dan pemantauan. Namun masih terdapat kekangan dari segi bilangan pemantauan yang dibuat. Selepas tindakan pengubahsuaian jadual dibuat iaitu dengan menetapkan setiap hari Khamis, semua pentadbir akan turun memantau dan membuat pencerapan terhadap guru-guru. Didapati rekod pemantauan semakin meningkat. Begitu juga dengan jumlah pemeriksaan buku latihan pelajar. Sebagai kesimpulan, penemuan di atas mendapati bahawa Penyediaan Buku PKBQ kepada semua pentadbir mempengaruhi minat dan memudahkan pemantau merekod. Manakala tindakan menetapkan jadual pemantauan pada hari Khamis amat menggalakkan pentadbir memantau dan aspek pemantauan juga dapat diperluaskan skopnya.

1.0 PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra merupakan sekolah Premier Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Sekolah ini adalah sekolah dua sesi yang mempunyai bilangan pelajar seramai 1866 orang, 114 orang guru dan 36 orang staf sokongan. Sekolah ini telah meraih pelbagai anugerah di peringkat Negeri dan Kebangsaan. Antaranya ialah Johan Anugerah Kualiti Menteri Pelajaran 2005, Sekolah Harapan Negara, Sekolah Bestari, Sekolah Selamat, Naib Johan 3K dan Johan Anugerah 5 Bintang Perdana Negeri Kedah 2006. Pihak sekolah meletakkan penyeliaan dan pemantauan berterusan sebagai asas kecemerlangan sekolah dalam semua bidang sama ada kurikulum mahupun kokurikulum. Secara kebetulan Jabatan Pelajaran Negeri turut melaksanakan program mega mereka iaitu Program Pemantauan Kurikulum Berkualiti (PKBQ) yang diamalkan secara menyeluruh pada semua daerah dan menjadi aktiviti utama bidang kurikulum oleh setiap sekolah sama ada rendah mahu pun menengah mulai tahun 2000 sehingga sekarang. Pelaksanaan PKBQ ini hanya diberi garis panduan umum sahaja untuk direalisasikan di sekolah masing-



c. Pemantauan Penyemakan Buku Latihan

- Pemantauan penyemakan buku latihan dilakukan serentak dengan pencerapan P&P. Jika pencerapan P & P tidak dapat dijalankan, pemantauan penyemakan buku latihan juga tidak dapat dijalankan,
- Tiada penetapan kuota latihan yang seragam dan terancang, dan
- Tiada rekod pelaksanaan pemantauan penyemakan buku latihan dan kekerapan latihan.

d. Pemantauan Prestasi Pelajar

- Pemantauan prestasi pelajar dibuat tidak secara terperinci dan tidak mengambil kira perkembangan pencapaian individu.

e. Pemantauan Pengurusan Bilik Darjah

- Ketiadaan pemantauan aspek sosial dan budaya mencetuskan kecenderungan pelajar memilih tempat duduk mengikut kaum di dalam kelas,
- Budaya muafakat yang longgar antara pelajar, dan
- Pengurusan kewangan dilakukan secara berasingan mengakibatkan pengurusan bilik darjah tidak seragam

1.3 Data/Maklumat yang menyokong

Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman bertugas di beberapa buah sekolah, penyeliaan terhadap lima komponen Utama Bidang Kurikulum PKBQ yang perlu dihantar ke Jabatan Pelajaran Negeri selalunya tidak dapat dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan dan laporan yang dihantar juga tidak menyeluruh dan telus. Bertolak dari sinilah dirasakan bahawa satu kajian tindakan perlu dibuat untuk melancarkan perjalanan proses pemantauan atau penyeliaan dijalankan.

2.0 REFLEKSI MASALAH

2.1 Refleksi Penyelidik

Penyeliaan aktiviti kurikulum di sesebuah sekolah merupakan suatu proses yang penting dan berterusan untuk memastikan jasmani, rohani, intelek dan emosi pelajar dapat disemai dan dikembangkan, di samping menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diinginkan serta dapat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Namun, aktiviti penyeliaan ini selalunya dibuat secara rawak dan mengikut keperluan kerana berlaku pelbagai kekangan yang menjadi penghalang aktiviti ini dibuat secara menyeluruh dan berterusan.

3.0 CADANGAN TINDAKAN

Kajian yang akan dibuat ini adalah berbentuk kualitatif, bertujuan untuk memahami fenomena penyeliaan terhadap aktiviti utama kurikulum di SMK. Jitra. Kajian ini mempunyai dua kitaran tindakan iaitu:

a. Kitaran 1

Buku Pemantauan PKBQ akan dibuat dan diberikan kepada semua Pentadbir Sekolah. Buku ini mengandungi Jadual Semakan Buku Rekod Mengajar, Instrumen Penilaian Buku Rekod Mengajar, Jadual Pencerapan secara Berkala, Instrumen Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran guru, Jadual Semakan Buku Latihan, Instrumen Semakan Buku Latihan Pelajar, Borang Penilaian Pemantauan Kelas dan Borang Penilaian Prestasi Pelajar. Buku ini akan digunakan oleh Pentadbir untuk merekod data penyeliaan atau pemantauan mereka ke atas lima komponen utama Kurikulum.

b. Kitaran 2

Menukar Jadual Pencerapan secara berkala kepada jadual tetap dengan menentukan bahawa hari Khamis adalah Hari Pencerapan Guru-guru. Semua pentadbir akan membuat pencerapan ke atas guru-guru mengikut tingkatan yang ditetapkan dan akan bertukar tingkatan mengikut minggu. Pada hari Khamis ini, semua pentadbir mesti membuat rondaan dan membuat penyeliaan ke atas mana-mana guru yang mengajar dalam tingkatan yang telah ditetapkan. Semua aspek penilaian akan dibuat semasa penyeliaan dijalankan.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Am

Mewujudkan satu mekanisme yang praktikal untuk meningkatkan keberkesanan sekolah.

Objektif Spesifik

- Meningkatkan pemantauan atau penyeliaan P & P guru dan lain-lain aspek yang berhubung kait dengan aktiviti utama akademik sekolah ke arah kecemerlangan akademik pelajar.
- Meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dalam kelas
- Meningkatkan kesediaan guru menjalankan P&P
- Merealisasikan hasrat PPD, JPN dan KPM.

5.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada pemantauan atau pencerapan pengajaran dan pembelajaran guru-guru di bilik darjah. Hal ini demikian kerana melalui pencerapan ini pihak sekolah dapat menyelesaikan banyak masalah dari menyemak buku latihan pelajar, pengurusan bilik darjah dan tahap keberkesanan pengajaran guru yang menjadi “core business” semua guru.

Setelah diteliti dan perbincangan dibuat dengan pengetua keputusan mengubahsuai jadual dilaksanakan dengan menentukan bahawa setiap hari Khamis, semua pemantau ini akan membuat pemantauannya bermula jam 8.00 pagi sehingga 3.30 petang. Jadual ini dipecahkan kepada lima kumpulan yang akan mencerap ke atas guru-guru yang mengajar di tingkatan seperti berikut:

- Tingkatan 6 Atas dan Tingkatan 6 Rendah
- Tingkatan 5
- Tingkatan 4
- Tingkatan 3
- Tingkatan 1 dan 2

Kumpulan pemantau ini akan bertukar mencerap ke atas tingkatan-tingkatan tertentu mengikut minggu. Pemerhatian telah dibuat sepanjang empat minggu pencerapan dijalankan dan didapati bahawa terdapat perubahan tingkahlaku pentadbir. Pada akhir bulan Mei Laporan PKBQ ini sekali lagi perlu dihantar ke JPN dan PPD. Didapati bahawa rekod pemantauan guru semakin bertambah berbanding laporan pertama seperti rajah di bawah:

<i>Bil.</i>	<i>Jumlah Pencerapan</i>	<i>Jumlah Semakan Buku</i>
Laporan 1	34	680
Laporan 2	52	1090

Rajah 1 : Rekod Pemantauan

Berdasarkan temubual dengan empat orang Guru Kanan Bidang, mereka mendapati bahawa perubahan jadual dengan menetapkan hari Khamis sebagai hari untuk membuat penyeliaan pencerapan P&P adalah amat berkesan. Hal ini kerana mereka tidak lagi perlu membuat temu janji dengan guru-guru dan semua guru membuat persediaan yang lebih rapi serta respon pelajar juga positif. Selain itu, persekitaran bilik darjah juga lebih bersih pada hari Khamis.

Refleksi Penyelidik

Diharap kajian ini akan dapat meningkatkan keberkesanan penyeliaan dan pemantauan aktiviti akademik utama sekolah yang seterusnya membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar serta keberkesanan P & P guru-guru. Selain itu, kajian ini dapat membuktikan keberkesanan mekanisme penyeliaan/pemantauan pentadbir sekolah terhadap aktiviti utama akademik.